



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN AKADEMIK PENSYARAH UNIVERSITI

Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej 1971, dengan ini mempelawa seluruh warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan akademik secara Tetap/Kontrak di Institut Penyelidikan Bioteknologi seperti berikut:

BIDANG KEPAKARAN

1. Mikrobiologi
2. Sains Data dalam Biologi
3. Kimia

JAWATAN : PENSYARAH UNIVERSITI (GRED DS13/DS14)

- i. Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pendidikan
- ii. Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional

SYARAT-SYARAT UMUM

1. Berusia sekurang-kurangnya 18 tahun bagi calon warganegara pada tarikh tutup iklan;
2. Mempunyai latar belakang pencapaian akademik yang baik, iaitu calon dengan Ijazah Sarjana Muda hendaklah mencapai purata nilai gred kumulatif sekurang-kurangnya 3.0, atau yang setaraf dengannya;
3. Bidang pengkhususan kelayakan adalah relevan dan bersesuaian dengan keperluan dan penempatan bidang yang diperlukan (contoh: calon dengan kelayakan ijazah sarjana hendaklah memiliki bidang kelayakan Ijazah Sarjana Muda yang relevan dan berkaitan dengan kelayakan sarjana tersebut);
4. Calon warganegara bagi tujuan pelantikan tetap hendaklah memperolehi kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian lisan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya);
5. Mempunyai kelayakan atau kebolehan pertuturan dan penulisan dalam Bahasa Inggeris yang baik (contoh: calon warganegara memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan, keputusan MUET sekurang-kurangnya Band 3);
6. **Adaptasi Teknologi** – Berkebolehan dan berkeinginan untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran serta membawa UMS ke arah kejayaan di zaman digital.
7. **Komunikasi** – Memiliki kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap.



SYARAT LANTIKAN

KELAYAKAN LANTIKAN KE PENSYARAH KANAN GRED DS13 :

Kelayakan Masuk : Ijazah Doktor Falsafah (PhD)

Bidang/Kelayakan Khusus :

- i. Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- ii. Mempunyai reputasi yang baik dalam penyelidikan dan penerbitan;
- iii. Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
- iv. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang- bidang berkenaan.

Gaji Permulaan : RM6,210.00

KELAYAKAN LANTIKAN KE PROFESOR MADYA GRED DS14 :

Kelayakan Masuk : Ijazah Doktor Falsafah (PhD)

Bidang/Kelayakan Khusus :

- i. Memenuhi syarat lantikan di Gred DS13 dan;
- ii. Mempunyai reputasi yang baik dalam penyelidikan dan penerbitan;
- iii. Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
- iv. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang- bidang berkenaan.

Gaji Permulaan : RM6,560.00

SYARAT TAMBAHAN

Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai kriteria seperti berikut:

- **Mempunyai pencapaian H-Indeks yang baik.**

- **Mikrobiologi**

Mempunyai kepakaran kukuh dalam prinsip asas kehidupan mikrob, termasuk genetik mikrob, regulasi gen, patogenesis, rintangan antimikrob, serta interaksi hos-mikrob, disokong oleh aplikasi teknologi molekul dan genomik termaju.

- **Sains Data dalam Biologi**

Terlatih dalam biologi pengkomputeran serta pendekatan analitik lanjutan untuk memproses dan mentafsir set data "omik" berskala besar dan berkeupayaan tinggi, termasuk genomik, transkriptomik dan proteomik.

- **Kimia**

Mempunyai asas yang kukuh dalam kimia organik dan produk semula jadi, dengan pengalaman praktikal dalam penggunaan instrumen analitik termaju seperti LC-MS/MS, NMR dan GC-MS. Menunjukkan kecekapan dalam analisis data, interpretasi spektra serta penentuan struktur, kompond.

CARA MEMOHON

Pemohon perlu mengemukakan CV dan salinan sijil-sijil akademik kepada Bahagian Pentadbiran Institut Penyelidikan Bioteknologi (IPB) melalui email berikut :

adminipb@ums.edu.my

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.

Tarikh tutup permohonan adalah pada **15 JULAI 2026**

* Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh ENAM (6) bulan dari tarikh permohonan dikemukakan, maka permohonan tersebut dianggap tidak berjaya.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**BIOTECHNOLOGY
RESEARCH INSTITUTE**
CENTRE OF EXCELLENCE FOR BIOTECHNOLOGY

MAKLUMAT LANJUT

Puan Yazmin Suraya Yusof

Ketua Pentadbiran Institut Penyelidikan Bioteknologi

Emel: yazminyusof@ums.edu.my

Pn. Halijah Abdul Hamid

Penolong Pegawai tadbir

Seksyen Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar

Institut Penyelidikan Bioteknologi

Emel: halijah@ums.edu.my